

Pintu pelaburan sentiasa terbuka
Utusan Online
December 27, 2011
Oleh SARAH Nadlin Rohim

KUALA LUMPUR 26 Dis. - Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) bersedia membuka pintu kepada syarikat-syarikat di Thailand dan Jepun yang berhasrat memindahkan operasinya yang terjejas ekoran bencana alam di kedua-dua negara itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Datuk Redza Rafiq Abdul Razak berkata, pihaknya bersedia menawarkan tempat demi memastikan kelangsungan rantai bekalan dan produk dapat diteruskan seperti biasa.

"Apa yang berlaku di negara Jepun dan Thailand telah memberi kesan kepada beberapa industri apabila rantai bekalan alatan serta produk terjejas teruk.

"Bagi NCIA, ia merupakan tanggungjawab kami membantu mereka yang memerlukan bantuan dengan memberi mereka peluang untuk mengambil manfaat daripada kemampuan serta kebolehan sektor swasta di NCER," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Tambah Redza, NCIA tidak mahu dilihat sebagai mengambil kesempatan kepada kesusahan orang lain tetapi lebih menjurus membantu sekiranya mana-mana pihak memerlukan pertolongan serta lengkap-melengkapi antara satu sama lain.

Ketika ditanya sama ada terdapat syarikat-syarikat dari kedua-dua negara itu meluahkan hasrat untuk beroperasi di NCER, Redza enggan mengulas lanjut tetapi berkata, sebarang pengumuman akan dibuat sekiranya terdapat perkembangan terkini.

Sementara itu, fokus NCIA pada tahun hadapan adalah untuk mengembangkan pelaburan sedia ada dengan memangkin lebih banyak kesan sampingan kepada industri-industri lain.

"Kami akan memanfaatkan sepenuhnya kemampuan setiap syarikat yang berada di rantau ini dan meningkatkan lagi kemampuan mereka untuk memberikan hasil yang maksimum.

"Walaupun strategi kami telah berubah sedikit pada 2012, pelabur luar yang ingin masuk ke NCER masih lagi dialu-alukan," jelasnya.

Pada tahun ini sahaja, NCER telah menerima beberapa pelaburan daripada syarikat-syarikat dari Jerman dalam sektor ruang angkasa, Perancis dalam sektor logistik serta Austria dalam sektor pemotoran.

Selain itu, terdapat dua syarikat Jepun yang berminat untuk beroperasi di NCER iaitu dalam industri sokongan sektor automotif.

NCER telah menerima pelaburan sebanyak RM6.89 bilion dengan 25 perjanjian telah dimeterai dari bulan Januari ke bulan Julai 2011.

Redza berkata, syarikat-syarikat tempatan di dalam NCER bukan sahaja menumpukan perniagaan dalam negara sahaja tetapi turut mengembangkan operasi mereka ke luar negara.

"Contoh terbaik adalah syarikat di Kamunting, Perak iaitu ECE Technologies, yang telah berjaya memperluaskan pasaran ke Indonesia, India, United Kingdom dan negara-negara Timur tengah," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1227&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_02.htm